



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM  
JABATAN ALAM SEKITAR

## KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

---

### OPERASI BERSEPADU E-WASTE ATAU OPS HAZARD JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK BERSAMA PASUKAN GERAKAN AM (PGA) SARAWAK

---

**KUCHING, 15 FEBRUARI 2025** – Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sarawak telah menjalankan Operasi Bersepadu *e-waste* atau Ops Hazard dengan kerjasama Pasukan Gerakan Am (PGA). Operasi ini bertujuan untuk menjalankan penguatkuasaan undang-undang melibatkan sisa elektronik (*e-waste*) yang kini telah menjadi masalah kepada negara kita disebabkan ia berisiko bukan sahaja memberi kesan kepada pencemaran alam sekitar jika tidak diuruskan dengan betul, malah ia berpotensi mencetuskan kes jenayah, salah guna kuasa, rasuah serta mengganggu ketenteraman orang awam memandangkan kandungan *e-waste ini* mempunyai logam-logam yang bernilai dan berharga. Operasi bersepadu ini telah dijalankan bermula jam 10 pagi di beberapa lokasi di Sarawak iaitu Kuching, Sri Aman, Sibu dan Miri. Lima (5) pasukan JAS yang terdiri sebanyak tujuh belas (17) anggota manakala sembilan puluh tiga (93) anggota PGA telah terlibat sepanjang operasi bersepadu ini dijalankan. Ops Hazard ini juga disertai oleh tiga (3) anggota Pasukan

Gerakan Udara (PGU) dan sembilan (9) anggota Majlis Bandaraya Miri (MBM).

Sebanyak tujuh (7) premis telah diperiksa ketika Operasi Bersepadu *e-waste* atau Ops Hazard bersama PGA. Hasil daripada operasi tersebut, tindakan yang telah diambil oleh JAS adalah membuat sebanyak dua (2) Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Anggaran keseluruhan bahan yang disita di bawah Seksyen 38 (1)(c), Akta yang sama adalah sebanyak 175.393 MT *e-waste* dan 98.48 MT bahan selain *e-waste*.

Berdasarkan Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, premis adalah dilarang untuk menempatkan, meletakkan atau melupuskan atau membenarkan ditempatkan buangan terjadual kecuali telah mendapat lesen di bawah Seksyen 18, Akta yang sama iaitu sebagai premis yang ditetapkan. Pelanggaran kepada Seksyen 34B jika disabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan hukuman mandatori penjara tidak lebih daripada lima (5) tahun dan denda tidak kurang RM 100,000 dan tidak lebih RM 10 Juta manakala pelanggaran kepada Seksyen 18, jika disabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM 50,000 atau penjara selama tidak lebih daripada dua (2) tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan RM 1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas diberikan notis untuk menghentikan aktiviti tersebut.

Pihak industri adalah diingatkan bahawa tindakan tegas di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan dikenakan ke atas mana-mana premis yang melakukan pencemaran alam sekitar. JAS komited dalam menangani sebarang isu berhubung pencemaran dan menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

**-TAMAT-**

**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

**20 FEBRUARI 2025**